




UMP terbit buletin bahasa Inggeris ketengahkan nama Pekan



Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini boleh berbangga dengan terbitan sulung buletinnya yang menggunakan medium bahasa Inggeris sepenuhnya yang dilancarkan di Bukit Gambang Resort City bersempena Anugerah Cendekia Bitara 2009 pada 3 Mei 2010 yang lalu.

Buletin Pekan Review terbitan Unit Penerbitan dan Grafik, Pejabat Naib Canselor UMP itu mengetengahkan pelbagai berita mengenai pencapaian dan kejayaan yang diraih oleh universiti di peringkat tempatan dan antarabangsa khususnya dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi, jalinan kerjasama serta pengantarabangsaan untuk dikongsi bersama dengan pihak industri, masyarakat dalam dan luar negara.

Menurut Ketua Editor Pekan Review yang juga merangkap Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Abd Rahman Haji Safie, UMP telah menerbitkan buletin *Create* sejak enam tahun lalu yang menampilkan berita yang ditulis oleh staf di dalam bahasa Melayu.

"Buletin Pekan Review yang baru dilancarkan ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob ini sesekali tidak langsung akan mempromosikan

nama Pekan di khayalak umum.

"Kelangsungan menggunakan nama Pekan Review ini akan mampu memperkenalkan nama Pekan dan juga UMP di peringkat dunia apabila buletin ini akan turut dieder kepada pejabat kedutaan dan universiti luar negara.

"Ianya juga amat bertepatan dan sesuai apabila Pekan merupakan lokasi penempatan bagi kampus tetap UMP dan kini telah memulakan operasi sejak Julai tahun lalu dengan berpindahnya dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)," katanya.

Jelas beliau lagi, penerbitan buletin sini dilihat sebagai salah satu usaha mempelbagaikan sebaran maklumat untuk dikongsi bersama dan mengeratkan hubungan antara UMP dengan warganya serta sebagai rujukan pihak pemegang taruh dan agensi luar.

"Buletin yang diterbitkan dua kali setahun ini yang menampilkan bahan bacaan ringan bermaklumat dengan olahan yang agak menarik selain reka bentuk dan gambar-gambar yang lebih elit dan berprestij adalah disasarkan kepada pembaca di peringkat universiti, masyarakat setempat dan pihak industri dan juga masyarakat antarabangsa," katanya.